

# PM ajak penyair dunia teruskan perjuangan murni

26 NOV 1988

KUALA LUMPUR 25 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengajak para penyair sedunia meneruskan perjuangan murni mereka melalui penulisan untuk melahirkan nilai kemanusiaan yang tinggi demi kelangsungan peradaban dunia dan keselamatan penduduknya. Sehubungan dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa Malaysia akan melakukan usaha yang sama melalui saluran rasmi dan forum Bangsa - Bangsa Bersatu.

"Mudah - mudahan abad ini dan abad - abad yang akan datang akan menyaksikan hasil yang manis daripada nercan-

tuman perjuangan kita," katanya ketika berucap merasmikan majlis Pengucapan Puisi Kuala Lumpur, di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di sini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan menggunakan kesempatan melalui kejayaannya menduduki kerusi Majlis Keselamatan Bangsa - Bangsa Bersatu untuk menyedarkan para pemimpin negara - negara besar puak-puak yang bertelingkah dan masyarakat dunia amnya tentang perlunya keamanan dunia dipelihara.

Beliau menegaskan usaha melihat dunia yang tenteram bukanlah impian para penyair sa-

haja kerana Malaysia sedang menyuarkan beta-pa pentingnya perlucutan semua senjata, terutamanya perlucutan senjata nuklear.

"Bukanlah impian para penyair sahaja untuk melihat sebuah dunia yang aman tenteram di mana para penduduk dunia mempunyai rumah, makanan dan pakaian yang mencukupi serta pendidikan yang tinggi," katanya.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri juga menyebut tentang peranan para pengarang di Malaysia yang disifatkannya amat besar pengaruhnya dalam masyarakat.

"Sejak zaman dahulu, para pengarang merupakan orang yang mempunyai kemahiran seni bercerita di samping menasihati para pendengar atau pembaca karya - karyanya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, para pengarang ini berada di setiap peringkat kehidupan masyarakat - dari istana hinggalah di tengah - tengah masyarakat tani.

Beliau menarik perhatian bahawa dari sastera Melayu tradisional sudah terdapat lebih seribu judul manuskrip tentang sastera, perubatan, pentadbiran dan sebagainya di mana sebahagian darinya masih belum dikaji secara terperinci sehingga kini.

"Jumlah tersebut menggambarkan bahawa sastera Melayu mempunyai tradisi yang sama atau lebih kuat daripada tradisi sastera beberapa buah negara Timur dan Barat," katanya.

Menurutnya, apabila naskhah - naskhah bercetak menjadi popular dan tersebar luas, para penulis Malaysia terus memainkan peranan penting untuk memajukan ekonomi, pendidikan dan pencapaian kemerdekaan politik.